

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(B)23**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA  
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

23. Jelaskan impak Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia–Amerika Syarikat (ART) terhadap Negeri Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan kesan langsung kepada sektor E&E, pelaburan asing dan pekerjaan berkemahiran tinggi.
  - (b) Jelaskan risiko kepada industri PKS, pertanian dan halal negeri.
  - (c) Adakah langkah mitigasi direncana bagi melindungi kepentingan ekonomi dan sosial Pulau Pinang?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Kesan langsung kepada sektor E&E, pelaburan asing dan pekerjaan berkemahiran tinggi

Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia–Amerika Syarikat (ART) merupakan perjanjian yang baharu dimeterai, dan kesan langsungnya terhadap Negeri Pulau Pinang masih belum dapat dikenal

pasti secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, perjanjian ini dijangka membuka ruang yang lebih luas kepada sektor elektronik dan elektrik (E&E) negeri untuk menembusi pasaran Amerika Syarikat, di samping berpotensi menarik kemasukan pelaburan asing langsung (FDI) baharu serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Pada masa yang sama, pelaksanaan ART juga dijangka mendorong pengukuhan program latihan teknikal dan peningkatan kapasiti tenaga kerja tempatan bagi memenuhi permintaan industri berteknologi tinggi serta menyokong pertumbuhan ekonomi negeri secara mampan.

- (b) Risiko dan peluang kepada industri PKS, pertanian dan halal negeri

(Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia–Amerika Syarikat (ART) turut membawa cabaran kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pertanian dan halal. Namun demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kekal proaktif dalam

memastikan komuniti perniagaan tempatan terus berdaya saing melalui pelbagai inisiatif pemerkasaan ekonomi tempatan. Melalui Portfolio Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, pelbagai program pembangunan keusahawanan telah dilaksanakan, termasuk skim pembiayaan mikro, bantuan peralatan serta program peningkatan kemahiran dan kapasiti usahawan. Langkah-langkah ini bertujuan memastikan masyarakat tempatan, khususnya golongan B40, belia dan usahawan luar bandar, mampu menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi semasa serta memperkukuh daya saing dalam pasaran domestik dan serantau.

Selain itu, ART dijangka memberi kesan positif terhadap sektor pertanian bagi komoditi seperti getah asli, minyak sawit dan hasil makanan lain. Kendatipun begitu, Pulau Pinang bukan pengeluar utama negara bagi komoditi tersebut dan negeri ini berpotensi untuk memanfaatkan perjanjian ini melalui pembangunan produk pertanian inovatif, pemprosesan berasaskan nilai

tambah serta penerokaan pasaran pertanian yang lebih premium. Pendekatan ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mempelbagaikan asas ekonomi dan memperkukuh rangkaian nilai sektor agro-makanan serta industri halal tempatan.

Dalam konteks industri halal, Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia–Amerika Syarikat (ART) dijangka membuka peluang akses pasaran bebas tarif kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) halal tempatan ke pasaran Amerika Syarikat. Inisiatif ini berpotensi menjadikan aktiviti eksport lebih mudah dan kos efektif, di samping membolehkan PKS halal negeri berintegrasi dalam rangkaian bekalan global bernilai tinggi sebagai rakan kongsi strategik kepada syarikat Amerika Syarikat dalam industri berteknologi tinggi. Sokongan berterusan daripada Kerajaan Negeri serta kerjasama rapat dengan agensi Persekutuan dan sektor swasta dijangka membantu PKS halal tempatan memanfaatkan peluang ini serta memperluas operasi mereka ke peringkat antarabangsa.

Industri halal di Pulau Pinang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, khususnya dalam sektor makanan siap dan pemrosesan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa peka terhadap potensi cabaran yang mungkin timbul daripada pelaksanaan ART, khususnya dalam memastikan daya saing, pematuhan piawaian halal dan kestabilan eksport dapat dikekalkan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sedang meneliti pelbagai langkah bagi memperkukuh ekosistem halal di peringkat negeri agar selaras dengan peluang yang bakal terhasil melalui pelaksanaan perjanjian ini. Antara pendekatan yang boleh diberi tumpuan termasuk:

- (i) Memperkukuh penguatkuasaan serta penjenamaan halal JAKIM di peringkat negeri melalui kerjasama strategik dengan pihak Persekutuan;
- (ii) Meningkatkan tahap automasi dan kecekapan pengeluaran dalam kalangan PKS halal menerusi penerapan teknologi baharu; dan

- (iii) Meneroka pasaran eksport baharu seperti Timur Tengah dan ASEAN melalui pelaksanaan misi perdagangan serta promosi bersasar.

Pendekatan ini dilihat berpotensi memperkukuh kedudukan industri halal sebagai salah satu sektor strategik yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi negeri secara mampan dan inklusif pada masa hadapan.

- (c) Langkah mitigasi direncana bagi melindungi kepentingan ekonomi dan sosial Pulau Pinang

Pelaksanaan langkah mitigasi khusus berkaitan Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia–Amerika Syarikat (ART) masih dalam penelitian di peringkat Kerajaan Negeri dalam memastikan dasar yang digubal menepati keperluan dan kepentingan ekonomi Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus kekal komited dalam memperkukuh ketahanan ekonomi serta daya saing industri melalui pelbagai inisiatif di bawah InvestPenang. Antara langkah yang diberi penekanan termasuk usaha mempertingkatkan infrastruktur sokongan, memperkemas proses pengawalseliaan dan perniagaan serta

mengurangkan kos operasi bagi menarik pelaburan baharu dan mengekalkan pelabur sedia ada.

Usaha-usaha ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memastikan Pulau Pinang terus memainkan peranan strategik dalam rangkaian bekalan global, memperkukuh kemampuan ekonomi negeri dan pada masa yang sama memberi manfaat langsung kepada masyarakat serta komuniti usahawan tempatan.